



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**SUKAN MASSA SEBAGAI MEKANISMA PEMBANGUNAN
KOMUNITI: SATU KAJIAN KES MENGENAI PEMAHAMAN DAN
PENDEKATAN**

ZAINI BIN ARSHAD

FEM 2003 1

**SUKAN MASSA SEBAGAI MEKANISMA PEMBANGUNAN KOMUNITI: SATU
KAJIAN KES MENGENAI PEMAHAMAN DAN PENDEKATAN**

Oleh

ZAINI BIN ARSHAD

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Master Sains**

Jun 2003



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**SUKAN MASSA SEBAGAI MEKANISMA PEMBANGUNAN KOMUNITI:
SATU KAJIAN MENGENAI PEMAHAMAN DAN PENDEKATAN**

Oleh

ZAINI BIN ARSHAD

Jun 2003

Pengerusi : Dr. Asnarulkhadi bin Abu Samah, PhD.

Fakulti : Ekologi Manusia

Sukan memberi pelbagai kesan positif kepada individu yang menyertainya dan ia berpotensi menjadi instrumen untuk mencapai pelbagai tujuan, baik di peringkat individu itu sendiri dan juga untuk pembangunan komunitinya. Oleh itu kajian ini cuba mengenal pasti sama ada pemahaman para pegawai di agensi kerajaan yang terlibat, hala tuju dan pendekatan yang telah diambil oleh mereka serta tanggapan dan penyertaan komuniti dapat merealisasikan potensi sukan massa ini sebagai mekanisma pembangunan komuniti. Kajian secara kualitatif sebagai kaedah utama ini dijalankan melalui kajian kes dan pengkaji memilih kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sebagai lokasi kajian.

Pengumpulan data di peringkat pegawai perancang di Kementerian Belia dan Sukan (KBS), pegawai pelaksana di Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD)

Gombak, Selangor dan MPS serta komuniti adalah diperolehi melalui temubual secara mendalam. Di peringkat komuniti, pengumpulan data mengenai tanggapan terhadap sukan massa dan penyertaan mereka turut disokong dengan kaedah kuantitatif melalui soasolidik. Pegawai-pegawai agensi kerajaan yang menjadi responden kajian adalah terdiri dari pegawai pengurusan tertinggi dan pegawai pengurusan pertengahan yang terlibat secara langsung dalam perancangan atau pelaksanaan program pembangunan sukan massa. Manakala responden di peringkat komuniti adalah dari kalangan mereka yang menyertai sukan massa secara aktif dan berterusan.

Pemahaman pegawai terhadap konsep dan falsafah dan tanggapan positif komuniti terhadap faedah sukan massa memperlihatkan bahawa sukan massa amat berpotensi untuk menjadi mekanisma pembangunan komuniti. Faedah-faedah positif sukan massa yang ditanggap adalah dalam peningkatan kesihatan dan kecergasan, pembentukan disiplin dan penggunaan masa secara berfaedah serta peningkatan jalinan interaksi sosial kepada individu yang menyertainya dapat menyokong ke arah pembangunan komuniti. Sokongan kepada pembangunan komuniti ini adalah melalui peningkatan produktiviti yang memberi nilai ekonomi, pengurangan masalah sosial dan jenayah yang memberi keamanan dan keselamatan dan pemupukan perpaduan yang menyatupadukan komuniti. Kesemua faedah ini menjadikan

komuniti lebih berpotensi dan bersedia untuk mencapai potensi dan matlamat pembangunannya.

Untuk merealisasikan matlamat pembangunan sukan massa sebagai mekanisma pembangunan komuniti ini, hala tuju dan pendekatan yang diambil oleh agensi kerajaan yang berkenaan ialah dengan menggabungkan sumber dan pendekatan pembangunan komuniti dalam pembangunan sukan. Antara pendekatan pembangunan komuniti yang dipraktikkan ialah penyertaan penduduk dalam perancangan, peningkatan dayaupayaan dan perasaan hakmilik, kerjasama pelbagai agensi berserta dengan pembangunan kemudahan dan program sukan. Namun di peringkat pelaksanaan oleh agensi pelaksana di komuniti setempat, terdapat pelbagai kelemahan dan masalah yang berbangkit.

Kelemahan yang dikenal pasti antaranya ialah tiada amalan penyertaan komuniti dalam perancangan program, persatuan lesu dan tidak berupaya menyokong dayaupayaan komuniti dan kurang kerjasama antara pelbagai agensi. Walaubagaimana pun kelemahan ini tidak menggagalkan hasrat menjadikan sukan massa sebagai mekanisma pembangunan komuniti apabila wujudnya persatuan bukan berasaskan sukan, sukarelawan dan penggerak yang menggiatkan aktiviti sukan baik secara individu atau pun berkumpulan untuk komuniti setempat. Namun untuk memastikan keberkesanan

pembangunan komuniti melalui sukan ini segala kelemahan di atas dan juga masalah utama lain seperti kewangan, kekurangan kemudahan dan program serta kekurangan pegawai perlu di atasi dengan segera oleh agensi yang berkenaan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**MASS SPORT AS A MECHANISM FOR COMMUNITY DEVELOPMENT:
A STUDY IN UNDERSTANDING AND APPROACH**

By

ZAINI BIN ARSHAD

June 2003

Chairman : Dr. Asnarulkhadi bin Abu Samah

Faculty : Human Ecology

Sport brings positive results to those who are involved in it and has the potential to be used as an instrument to achieve various objectives, at the individual level and also for community development. Therefore, this study aims to identify whether the understanding, and the direction and approach taken by government official at the related agencies and community's perception and participation could realise the potential of sport as a mechanism for community development. The main methodology used is qualitative through case study approach and the location of the study is Selayang Town Council (MPS) administration area.

Data collection is done through in-depth interview with the planners in the Ministry of Youth and Sport, with the implementors at the Gombak Youth and

Sport District Office (PBSD) and MPS, and with the community. Collection of data on community's perception toward mass sport and their participation in it is further supplemented by the use of questionnaires, which is a quantitative methodology. High and middle ranking government officials who are involved directly in the planning or implementation of mass sport development programmes is used as respondents for this study. Whereas respondents from the community level are those who are actively and continuously involved in the mass sport.

The understanding of concept and philosophy among the officials and positive perception toward the benefits of mass sport among the community indicates that mass sport has the potential to become a mechanism for community development. Positive benefits to individual who are involved in this mass sport such as improvement of health and activeness, discipline development and beneficial use of time and increase social interaction is an indication that mass sport can contributes to community development. Support to this community development is seen through increase in productivity, which contribute to economic value, reduction of social and criminal problems, which give rise to peace and security, and nurture solidarity which will the unite the community. All these benefits will enable the community to be more ready and has better potential to achieve its development.

To realise the objective of developing mass sport as a mechanism for the community development, the approach and direction taken by government agency is that they must consolidate resources and community development approach into sport development. Among the community development approach taken is the participation of community in the planning, empowerment and the ownership, cooperation among the various agency, and development of sport's facilities and programmes.

Among the weaknesses that have been identified are, no participation of community in the planning of programmes, weak associations that are unable to support community empowerment, and lack of cooperation among the various agencies. Nevertheless, these weaknesses have not deterred the intention of the government to make mass sport a mechanism for community development due to the existence of various non-sport associations, volunteers and motivators who enhance sport activities either individually or in group for the local community. However, in order to ensure effective community development through this sport all the weaknesses above and major problems such as financial, lack of facilities and programmes, and shortage of officers, must be addressed urgently by the agencies concerned.

Penghargaan

Saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan rasa terhutang budi kepada penyelia dan juga pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan saya Dr. Asnarulkhadi bin Abu Samah yang penuh kesabaran memberi bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan berkongsi pengalaman dalam menjayakan penyelidikan dan penulisan ini. Setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan juga untuk dua ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya Prof. Madya Dr. Abdul Halin bin Hamid dan Dr. Ma'rof bin Redzuan yang juga sentiasa memberi dorongan, semangat, nasihat dan panduan. Sebenarnya sokongan mereka banyak membantu saya menjayakan penyelidikan serta penulisan ini dan ianya amat dihargai.

Penghargaan dan jutaan terima kasih dipanjangkan juga kepada semua pegawai dan kakitangan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan agensinya iaitu Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN) Selangor serta Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Gombak, Selangor yang banyak membantu semasa penyelidikan. Kerjasama, sokongan dan galakan yang diberi kepada saya untuk membuat penyelidikan mengenai sukan massa khususnya dari Y. Bhg. Dato' Mahamad Zabri bin Min, Ketua Setiausaha KBS, Y. Bhg Dato' Mohd. Azmi bin Razak, Timbalan Ketua Setiausaha KBS dan Y. Bhg. Dato' Raja Ruslan bin Raja Samah, Ketua Pengarah Belia dan Sukan KBS adalah satu penghormatan kepada saya dan ia tidak akan dilupakan. Penghargaan dan

jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada pegawai dan kakitangan Majlis Perbandaran Selayang (MPS), khususnya Yang Di Pertuanya Tuan Haji Bakaruddin bin Othman yang telah memberi bantuan dan sokongan padu untuk menjayakan penyelidikan terutama di peringkat pegawai pelaksana dan juga komuniti setempat.

Akhir sekali saya merakamkan penghargaan yang tidak ternilai kepada isteri tercinta Haliza Hassan dan anak tersayang Afiq Zaim Zaini yang banyak mendorong, membantu dan berdoa untuk kejayaan saya. Segala pengorbanan mereka menguatkan semangat dan usaha saya untuk lebih berjaya.

KANDUNGAN

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	ix
PENGESAHAN	xi
PENGAKUAN	xiii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xix
SINGKATAN	xx

BAB

1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pengertian Sukan Massa	8
	1.3 Pembangunan Sukan Massa di Malaysia	10
	1.4 Penyataan Masalah	11
	1.5 Objektif Kajian	15
	1.6 Kerangka Konsep	16
	1.7 Kepentingan Kajian	19
	1.8 Batasan Kajian	20
	1.9 Definisi Istilah	21
2	SOROTAN LITERATUR	
	2.1 Pembangunan Komuniti dan Sukan	25
	2.2 Penyertaan Komuniti dan Kepentingannya	35
	2.3 Penyertaan dan Pendayaupayaan	38
	2.4 Pendekatan Bekerjasama	40
	2.5 Faedah Penyertaan dalam Sukan	42
	2.5.1 Kesihatan dan Kecergasan	43
	2.5.2 Pengurangan Kadar Jenayah	47
	2.5.3 Interaksi Sosial	49
	2.6 Masalah	51
	2.6.1 Menarik Komuniti Bersukan	51
	2.6.2 Menarik Komuniti Memajukan Sukan	53
3	METODOLOGI	
	3.1 Rekabentuk dan pendekatan Kajian	57
	3.1.1 Kaedah Kualitatif	57
	3.1.2 Kaedah Kuantitatif	59
	3.2 Lokasi Kajian	60
	3.3 Responden dan Pemilihan	62

3.2.1	Responden Komuniti	63
3.2.2	Responden Pelaksana	66
3.2.3	Responden Perancang	68
3.4	Teknik Pengumpulan Data	70
3.4.1	Temubual Secara Mendalam	71
3.4.2	Soalselidik	73
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	74
3.5.1	Temubual Secara Mendalam	74
3.5.2	Soalselidik	75
3.6	Penganalisan Data	75
3.6.1	Penganalisan Semasa Kerja Lapangan	76
3.6.2	Penganalisan Selepas Kerja Lapangan	77
3.6.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan	79
3.7	Pengalaman Penyelidik	80
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN-PEMAHAMAN FALSAFAH, KONSEP DAN FAEDAH SERTA PENYERTAAN KOMUNITI	
4.1	Pemahaman Falsafah Sukan Massa	82
4.2	Pemahaman Konsep Sukan Massa	84
4.2.1	Hak dan Persamaan Peluang	84
4.2.2	Pemilikan Bersama	86
4.2.3	Penyertaan Terbuka	88
4.2.4	Kebebasan Memilih	90
4.3	Faedah Sukan Massa kepada Individu	93
4.3.1	Peningkatan Kesihatan dan Kecergasan	93
4.3.2	Pembentukan Disiplin dan Pengisian Masa	98
4.3.3	Interaksi Sosial	107
4.4	Faedah Sukan Massa kepada Pembangunan Komuniti	112
4.4.1	Peningkatan Produktiviti	112
4.4.2	Pengurangan Jenayah/Masalah Sosial	120
4.4.3	Peningkatan Persefahaman dan Perpaduan	126
4.5	Penyertaan Komuniti dalam Sukan	136
4.5.1	Kekerapan dan Tempoh Masa Bersukan	136
4.5.2	Bilangan dan Jenis Sukan Disertai	138
4.5.3	Rakan Untuk Bersukan	141
4.5.4	Faktor Mempengaruhi Penyertaan	143
4.6	Penyertaan Memajukan Sukan Massa	146
4.6.1	Memberi Maklumbalas dan Cadangan	147
4.6.2	Dorongan dan Berkongsi Pengalaman	149
4.6.3	Menggerakkan Persatuan	154
5	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN-HALA TUJU, PENDEKATAN DAN MASALAH	

5.1	Hala tuju	158
5.1.1	Tujuan	158
5.1.2	Matlamat	160
5.1.3	Sasaran	161
5.2	Pendekatan Pembangunan Sukan Massa	163
5.2.1	Penyertaan Komuniti	163
5.2.2	Pendayaupayaan dan Hakmilik	171
5.2.3	Kerjasama Pelbagai Pihak	178
5.2.4	Penyediaan Kemudahan dan Program	189
5.3	Masalah	197
5.3.1	Kewangan	198
5.3.2	Kekurangan Kemudahan dan Program	200
5.3.3	Sikap dan Tiada Kesedaran	205
5.3.4	Persatuan Lesu	208
5.3.5	Kekurangan Pegawai	210
5.3.6	Kurang Kerjasama Antara Agensi	212
6	RINGKASAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
6.1	Ringkasan Hasil Kajian	216
6.2	Rumusan Kajian	231
6.3	Cadangan	237
6.4	Penyelidikan Masa Depan	238
	RUJUKAN	239
	LAMPIRAN	
	A - Peta kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang, Selangor.	250
	B - Panduan Soalan untuk temubual di peringkat perancang dan Pelaksana serta komuniti.	251
	C - Borang Soalselidik.	254
	BIODATA PENULIS	265

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Latarbelakang Responden Temubual Peringkat Komuniti.	64
2	Latarbelakang Responden Mengikut Kaum, Jantina, Tempoh Bermastautin dan Taraf Perkahwinan.	65
3	Latarbelakang Responden Peringkat Pelaksana (Pegawai Agensi KBS dan MPS).	67
4	Latarbelakang Responden Peringkat Perancang (Pegawai KBS).	70
5	Kefahaman Responden Terhadap Konsep Sukan Massa.	91
6	Tanggapan Responden Terhadap Peningkatan Tahap Kesihatan dan Kecergasan Melalui Sukan.	97
7	Tanggapan Responden Terhadap Pembentukan Disiplin dan Pengisian Masa Melalui Sukan.	102
8	Tanggapan Responden Terhadap Jalinan Interaksi Sosial Melalui Sukan.	111
9	Tanggapan Responden Mengenai Peningkatan Produktiviti Melalui Sukan.	119
10	Tanggapan Responden Mengenai Pengurangan Kadar Jenayah Melalui Sukan.	125
11	Tanggapan Responden Mengenai Peningkatan Persefahaman dan Perpaduan Melalui Sukan.	131
12	Kekerapan dan Tempoh Masa Bersukan Responden.	137
13	Bilangan Sukan Yang Disertai Oleh Responden.	139
14	Jenis Sukan Yang Disertai oleh Responden.	140

15	Rakan Untuk Bersukan Di Kalangan Responden.	142
16	Pendorong Responden Untuk Mula Bersukan.	144
17	Faktor Pendorong Untuk Responden Terus Bersukan.	145
18	Taburan Responden Yang Memberi Maklumbalas / Cadangan Kepada Agensi.	148
19	Taburan Responden Yang Memberi Dorongan Kepada Orang Lain Bersukan.	150
20	Taburan Responden Yang Memberi Dorongan Mengikut Kumpulan Sasar	151
21	Taburan Responden Yang Memberi Sumbangan Dengan Berkongsi Pengalaman.	153
22	Taburan Responden Yang Memegang Jawatan Dalam Persatuan Sukan.	155
23	Taburan Responden Mengikut Penglibatan dan Peringkat Persatuan.	156
24	Taburan Responden Terhadap Persepsi Kecukupan Kemudahan Sukan.	203
25	Taburan Responden Terhadap Persepsi Kecukupan Program Sukan.	204

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Perbezaan Sukan Massa dan Sukan Pertandingan	9
2	Kerangka Konsep Kajian.	18

SINGKATAN

DSN	Dasar Sukan Negara
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
JBSN	Jabatan Belia dan Sukan Negeri
PBSD	Pejabat Belia dan Sukan Daerah
MPS	Majlis Perbandaran Selayang
NGO	Non-Governmental Organisation
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
KSU	Ketua Setiausaha

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan komuniti melalui sukan bukanlah suatu perkara baru. Ini kerana negara lain seperti United Kingdom telah memulakannya sejak tahun 1980an lagi melalui program yang dinamakan *Sport Action* (McDonald dan Tungatt, 1992; Deane, 1998). Sukan juga telah diterima dalam agenda polisi negara berkenaan untuk mengukuh *social inclusion* dalam komuniti dan pembangunan sumber manusia. Misalnya dalam strategi *social inclusion* di Scotland, sukan dan aktiviti masa lapang dikatakan boleh memainkan peranan dalam membantu meningkatkan *self-respect* (esteem diri), membina semangat komuniti, meningkatkan interaksi sosial, meningkatkan tahap kesihatan dan kecergasan, membuka peluang pekerjaan, menyediakan aktiviti berfaedah untuk golongan muda dan mengurangkan kemungkinan berlakunya perlakuan anti sosial (Scottish Office, 1999).

Di England, kerajaannya telah menyatakan sukan boleh menyumbang kepada pembaharuan kejiwaan melalui peningkatan prestasi komuniti melalui empat petunjuk iaitu kesihatan, jenayah, pekerjaan dan pendidikan (Department of Culture, Media and Sport, 1999). Zimbabwe pula sejak tahun 1991 menggunakan sukan sebagai satu kaedah untuk menangani wabak atau sindrom kurang daya tahan penyakit (HIV/AIDS) yang ketara di kalangan belianya dengan penubuhan program Pendidikan Belia melalui Sukan (Youth

Education through Sport – YES) yang mana programnya turut disokong oleh agensi-agensi di peringkat antarabangsa (SRC Zimbabwe, 2002).

Perspektif sedemikian mengikut Coalter dan Allison (1996) adalah mencerminkan perubahan dalam melihat aspek pembangunan komuniti, iaitu dari soal ekonomi yang menekankan kepada pelaburan modal, insentif dan menarik industri baru kepada sesuatu yang lebih memberi penekanan kepada sumber manusia dan pembangunan modal sosial. Melalui pendekatan dalam pembangunan modal sosial, penekanan diberikan kepada proses sosial iaitu dengan meningkatkan keupayaan organisasi komuniti dan membentuk serta memperkuat infrastruktur sosial dan budaya komuniti bagi mencapai matlamat penyatuan sosial. Dalam pembangunan sumber manusia pula, penekanan adalah untuk meningkatkan keupayaan, kemahiran dan juga keyakinan sumber manusianya.

Dalam usaha memperbaiki kelemahan-kelemahan tertentu atau mengukuhkan aspek proses, struktur dan perhubungan sosial ke arah pembangunan komuniti, ianya mempunyai banyak persamaan dengan faedah yang dikaitkan dengan penyertaan dalam sukan (Coalter dan Allison, 1996). Dalam membahaskan nilai sosial yang ada pada sukan sehingga ia dapat memainkan peranan yang penting dalam pembangunan komuniti, Sport England (1999) merujuk kepada kepelbagaian yang ditawarkan oleh aktiviti sukan sehingga membolehkan setiap individu dari semua peringkat umur, kaum dan

sebagainya dapat menyertainya mengikut tahap dan kemampuan yang sesuai dengan mereka. Kemampuan sukan untuk mendapat penyertaan meluas ini memberi potensi besar kepada pengukuhan perhubungan untuk mencapai penyatuan sosial, iaitu satu aspek penting untuk membangunkan komuniti.

Sukan dapat membina dan mengukuh perhubungan sosial di kalangan ahli komuniti kerana ia instrumen paling mudah dan berkesan untuk berinteraksi dan berkomunikasi secara berterusan antara satu sama lain. Keistimewaan sukan berbanding dengan aktiviti lain sebagaimana dinyatakan oleh Vogler dan Schwartz (1993) ialah sifatnya yang membolehkan penyertaan yang meluas dari pelbagai golongan serta peringkat anggota komuniti tanpa mengira usia, jantina atau kaum. Nixon dan Frey (1996) yang memetik Stevenson dan Nixon (1972) menyatakan sukan berfungsi untuk menyatukan ahli masyarakat melalui perkongsian minat dan komitmen. Interaksi dan hubungan sosial yang terjalin dari aktiviti sukan memudahkan anggota komuniti melaksanakan kegiatan kemasyarakatan untuk faedah pembangunan komunitinya.

Tahap kesihatan dan kecergasan merupakan salah satu petunjuk kepada peningkatan prestasi komuniti (Department of Culture, Media and Sport, 1999). Dari perspektif perubatan, sukan mempunyai bukti klinikal yang kukuh dalam memberi manfaat kesihatan dan kecergasan kepada mereka yang menyertainya secara berterusan serta mengikut tempoh masa dan kekerapan yang diperakukan. Secara amnya, faedah utama dari aktiviti fizikal ini ialah

kepada kekuatan jantung, tulang, sendi dan tendon, metabolisma dan hormon (Blair et al., 1989). Di samping itu menyertai sukan secara aktif dapat mengelak atau melewati serangan pelbagai penyakit (Byrd, 1982). Hatano (1982), yang bersetuju menyatakan proses pembakaran kalori semasa bersukan dapat mencapai kesihatan yang baik dan mengelak dari penyakit. Selain kesihatan fizikal, Byrd (1982) juga menyatakan bersukan mengurangkan tekanan dan meningkatkan kestabilan emosi. Kesihatan fizikal dan kestabilan emosi dari bersukan ini sebenarnya meningkatkan keupayaan sumber manusia yang akhirnya menyumbang tenaga dan fikiran untuk pembangunan komunitinya.

Di samping itu aktiviti sukan juga dilihat sebagai alternatif terbaik dalam membuat pilihan sekiranya elemen keseronokan turut dicari. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Snyder dan Spreitzer (1978) aktiviti sukan dapat memberi kegembiraan dan hasilnya memberi sumbangan kepada fungsi psikologi. Dengan adanya elemen keseronokan, aktiviti sukan dapat menarik penyertaan ramai dan pada masa yang sama turut memberi penyimpangan (*diversion*), yang menghindarkan individu daripada terlibat dengan aktiviti tidak sihat. Robins (1990) turut bersetuju dengan menyatakan sukan boleh mencapai matlamat mengintegrasikan belia yang berisiko bagi mengurangkan kadar jenayah dengan menggalakkan penggunaan masa senggang secara berfaedah. Pengurangan kadar jenayah atau perlakuan anti sosial adalah satu lagi petunjuk kepada peningkatan prestasi komuniti (Department of Culture,